

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 2002**

---

**DOKUMEN TARIKH LAHIR PEGAWAI AWAM**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menetapkan dokumen yang perlu dirujuk bagi mengesahkan tarikh lahir pegawai awam.

**LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini tarikh lahir yang diiktiraf untuk tujuan perkhidmatan dan persaraan seseorang pegawai awam ialah tarikh lahir yang tercatat dalam rekod perkhidmatannya. Pindaan hanya boleh dibuat jika pegawai dapat mengemukakan Sijil Kelahiran yang boleh diterima mengikut Perintah Am 68, Perintah-Perintah Am Bab A (Lantikan dan Kenaikan Pangkat) 1973. Prosedurnya dijelaskan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 29 Tahun 1977.

## **PERATURAN BARU**

3. Dengan berkuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan ini tarikh lahir yang diiktiraf untuk tujuan perkhidmatan dan persaraan seseorang pegawai awam adalah tarikh lahir yang tercatat di dalam Sijil Kelahiran atau Kad Pengenalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia. Bagi Kad Pengenalan yang mempunyai tanda “ \* ” (*asterisk*) pada nombornya, tarikh lahir sebenar hendaklah berdasarkan pengesahan bertulis daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN DAN PEGAWAI**

4. Tertakluk kepada peraturan tertentu, Ketua Jabatan boleh membenarkan seseorang pegawai menyemak tarikh lahir yang tercatat dalam rekod perkhidmatan masing-masing bagi memastikan tarikh tersebut sama dengan tarikh lahir yang tercatat dalam dokumen di perenggan 3 di atas. Jika terdapat perbezaan, pegawai hendaklah memohon kepada Ketua Jabatan dengan menyertakan Sijil Kelahiran dan salinan Kad Pengenalan yang disahkan supaya pindaan yang sewajarnya boleh dilakukan.

## **TARIKH KUATKUASA**

5. Peraturan di atas berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan.


## **PEMBATALAN**

6. Dengan berkuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan ini maka Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 29 Tahun 1977 dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

**21** NOVEMBER 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan